

PERHATIKAN EMBARGO
PLEASE NOTE EMBARGO



EMBARGO:

Tidak Boleh Disiarkan
Sebelum 6hb. Disember, 1977
Jam 11.00 Pagi.

(P)

Ucapan YAB. Datuk Seri Dr. Mahathir bin Mohamad
Di Upacara Majlis Peresmian Mesyuarat Perwakilan
Guru-Guru Kesatuan Perkhidmatan Pelajaran
Kebangsaan Di Dewan Maktab Sultan Abdul Hamid,
Alor Star, Kedah Pada Hari Selasa 6hb. Disember,

1977 Jam 10.00 Pagi

(Dibacakan oleh Encik Megat Junid bin Megat Ayob,
Setiausaha Politik Kepada YAB. Menteri Pelajaran
Malaysia)

Terlebih dulu saya mengucapkan ribuan terimakasih atas kesudian
pihak Jawatankuasa Pusat KPPK juga ahli-ahli KPPK mengundang saya
untuk hadir serta memberi ucapan di Majlis Mesyuarat Perwakilan
Kesatuan ini pada pagi ini.

Sepertimana yang diketahui umum, Kesatuan Perkhidmatan Pelajaran
Kebangsaan adalah kesatuan guru yang terbesar di negara ini, hasil
daripada gabungan dua kesatuan yang berpengaruh di masa lampau iaitu
National Union of Teachers atau N.U.T. dan Kesatuan Guru Sekolah-
Sekolah Kebangsaan atau K.K.G.S.K. Sungguhpun usia K.P.P.K dari segi
sejarah adalah terlalu muda, namun kegiatan-kegiatan, tindak tanduk
juga perjuangan telah banyak memberi faedah dan munafaat bukan sahaja
kepada ahli-ahli tetapi juga kepada murid-murid dan ibubapa.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Dunia pelajaran dan pembelajaran di negara kita ini sedang
meningkat maju dengan pesatnya. Ini bukan sahaja dari segi pem-
angunan fizikal tetapi juga dari segi mutu, kaedah, penyampaian juga
penerimaan masyarakat dari dalam dan luar negeri. Dalam keadaan
pembangunan yang pesat ini, tentulah banyak masalah, rintangan dan
halangan yang dihadapi oleh Kerajaan terutama Kementerian Pelajaran.
Di sini saya suka mengucapkan terimakasih kepada Kesatuan ini juga
Kesatuan-Kesatuan Guru lain yang telah memberi kerjasama yang erat
dan persefahaman untuk menjayakan pelaksanaan pembangunan ini.
Sikap beginilah yang diharap-harapkan oleh rakyat juga Kerajaan kerana
kaum guru adalah merupakan tulang belakang di atas segala aspek
perkembangan dan kemajuan dunia pelajaran kita. Saya berharap
Kesatuan ini dari masa ke semasa mengadakan pertemuan dan perjumpaan
dengan pihak Kementerian Pelajaran agar tiap-tiap masalah, tiap-
tiap rintangan dapat kita selesaikan secara bersama.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pada hari ini negara kita mempunyai tidak kurang daripada
104,000 orang guru di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Kurang daripada
50% mereka berada di dalam Kesatuan-Kesatuan Guru. Bilangan
Kesatuan pula begitu banyak dan bertentangan antara satu dengan lain.
Keadaan ini menimbulkan masalah bagi Kerajaan dan bagi guru-guru
sendiri. Kesatuan-Kesatuan biasanya membuat tuntutan yang tidak sama.

Orang-orang yang tidak ada dalam Kesatuan pula membuat tuntutan secara perseorangan atau mengikut kumpulan-kumpulan yang ujud sebelum Aziz. Dalam keadaan seperti ini apa juga layanan yang dibuat oleh Kerajaan terhadap satu gulungan akan timbul masalah dengan gulungan guru yang lain. Dengan ini perkhidmatan per-guruan tidak akan aman dan tenteram. Saya berharap guru-guru dan kesatuan mereka dapat mencari kata sepakat sebelum mereka membuat apa-apa tindakan. Ini akan memudahkan penyelesaian masalah. Juga dengan kerjasama antara Kesatuan-Kesatuan, mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pihak Kerajaan juga Kementerian Pelajaran tidak melupakan pengorbanan dan tanggungjawab yang telah dilaksanakan oleh kaum guru terhadap dunia pelajaran kita. Ini jelas dalam tanggungjawab kaum guru menjayakan tiap-tiap peperiksaan di dalam negara. Walau Peperiksaan Penilaian Darjah Tiga, Darjah Lima, SRP/LCE, SPM/MCE juga STP/HSC. Tanpa usaha kaum guru yang bersungguh-sungguh, semua peperiksaan ini tidak dapat dijalankan dengan sempurna dan jayanya. Tetapi mungkin ada segelintir kecil kaum guru yang cuba mengelakkan diri dari tanggungjawab ini. Saya tahu bahawa ganjaran yang diberikan atas tanggungjawab ini tidaklah begitu lumayan jika dibandingkan dengan keadaan pendapatan kaum guru di hari ini. Tetapi dalam satu-satu usaha, ganjaran bukanlah faktor utama yang mesti ditekankan. Tugas dan tanggungjawab terhadap rakyat, bangsa dan negara mestilah juga diambil kira. Saya berharap kaum guru sedar akan hakikat ini agar segala usaha-usaha Kerajaan dan kehendak-kehendak rakyat dapat kita sama-sama laksanakan.

Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan telah maklum, bahawa peperiksaan MCE hanya akan diadakan setakat tahun 1979 sahaja. Dalam tahun 1980 hanyalah SPM. Ini bermakna dalam tahun 1980, pihak Kementerian Pelajaran akan mengambil alih tugas-tugas yang telahpun dilakukan oleh pihak Cambridge. Ini bermakna tanggungjawab Kementerian juga guru-guru adalah berlipat ganda. Dengan itu saya berharap kepada semua guru-guru, kakitangan Kementerian juga semua lapisan rakyat untuk memberikan kerjasama yang sepenuhnya agar pelaksanaan mengambil alih beban ini mendapat kejayaan yang cemerlang. Kaum guru yang berupa tulang belakang dalam dunia pelajaran dan pendidikan harus berkerja keras, berdidikasi dan jujur agar pelaksanaan, mutu, pengiftirafan dan penerimaannya dapat terjamin. Saya penuh percaya bahawa kaum guru di negara ini sudah cukup matang untuk mengendalikan semua peperiksaan yang dulunya dikendalikan oleh pihak Cambridge.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Dalam hal mengambil alih peperiksaan ini, pihak Kementerian Pelajaran telahpun mengkaji dengan teliti atas semua perkara yang bersangkutan. Beberapa syur dan cadangan telahpun dikemukakan termasuklah tentang bayaran peperiksaan juga ganjaran kepada pemeriksa-pemeriksa kertas. Untuk mengurangkan bebanan ibubapa juga penjaga murid-murid, pihak Kementerian Pelajaran akan cuba seberapa daya untuk mengurangkan bayaran peperiksaan SPM apabila pengambil alih itu dijalankan. Dalam hal ganjaran kepada pemeriksa-pemeriksa kertas, pihak Kementerian Pelajaran juga akan mengkaji hal ini dan cuba untuk menambahkan ganjaran itu. Ini

...3/-

dilakukan memandangkan kepada tanggungjawab yang berat yang terpaksa dipikul oleh pemereksa-pemereksa kertas. Untuk memastikan pepereksaan ini dapat dilaksanakan dengan baik dan berjaya, pihak Kementerian Pelajaran akan melipatgandakan usaha untuk melatih serta memberi kursus kepada guru-guru walau untuk mengawaw pepereksaan juga memereksa kertas-kertas. Ini akan dijalankan peringkat demi peringkat mengikut kemampuan yang ada.

Pengakhir kata, saya berseru kepada semua ahli-ahli K.P.P.K. agar memberikan kerjasama yang penuh kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran, sepertimana yang telahpun tuan-tuan dan puan-puan berikan di masa-masa yang lalu. Tanpa kerjasama ini segala projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pelajaran tidak akan dapat berjalan dengan baik dan jayanya. **Segala** pendapat dan pandangan dari kesatuan ini adalah dialu-alukan oleh pihak Kementerian dan pihak Kementerian Pelajaran adalah mengharap-harapkan sangat pendapat dan pandangan-pandangan dari tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya berharap dan berdoa agar Mesyuarat Perwakilan tuan-tuan dan puan-puan pada tahun ini akan berjalan dengan baik dan memuaskan. Dengan ini saya dengan sukacitanya meresmikan Mesyuarat Perwakilan K.P.P.K. tahun ini, pada pagi ini.

KEMENTERIAN PELAJARAN,
KUALA LUMPUR
3HB. DISEMBER, 1977

/az.